

16/08/1997

Sikap liberal tidak gugat agama Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Wanita Umno menolak tanggapan sesetengah pihak bahawa negara ini mengamalkan sikap liberal sehingga menggugat kedaulatan agama Islam.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata orang ramai terutama bijak pandai agama sepatutnya mendengar dulu penjelasan kerajaan mengapa undang-undang Islam yang berbeza di setiap negeri, perlu diseragamkan.

"Saya pasti Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tidak bermaksud begitu (menghalalkan yang haram). Apa yang penting sekarang ialah kita menyeragamkan undang-undang dan peraturan terbabit untuk kepentingan negara dan tidak menimbulkan was-was atau salah faham.

"Saya harap ulama tidak memberi pandangan melulu. Kita mengambil masa untuk melaksanakan perkara ini, dengan tujuan meyakinkan semua pihak mengenai pendirian (sebenar) Malaysia sebagai sebuah negara Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan beberapa ulama yang mendakwa Perdana Menteri hampir murtad apabila menegur pihak berkuasa agama menangkap tiga remaja yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor, baru-baru ini.

Dr Siti Zaharah berkata, fungsi majlis fatwa tidak terusik tetapi ia perlu diseragamkan di seluruh negara bagi mengelak percanggahan.

"Masalahnya sekarang ialah tidak ada penyelarasan, kerana itu adalah penting peraturan yang ada diseragamkan dengan memastikan semua pihak tahu di mana skop yang harus ditentukan dan siapa yang berkuasa atau berhak menentukan peraturan terbabit.

"Majlis agama negeri-negeri dan Majlis Raja-Raja sudah bersetuju dengan perkara itu.

"Keadaan yang berlaku sekarang tidak mendatangkan kebaikan kepada kita sebagai sebuah negara yang maju. Ketika ini, kita berupaya mengisi kemajuan dan kemodenan, dan pada masa yang sama masih boleh mengangkat martabat agama Islam.

(END)